MAIPk.(BP) A603/656/3

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PEKELILING DALAMAN MAIPk BILANGAN 1 TAHUN 2015

KEMUDAHAN CUTI ISTERI BERSALIN BAGI PEGAWAI KONTRAK MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan menjelaskan kelayakan dan kaedah pelaksanaan peraturan mengenai kemudahan Cuti Isteri Bersalin bagi Pekhidmat Kontrak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk).

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan cuti isteri bersalin selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod telah diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991. Selaras dengan hasrat mengutamakan keluarga (family first), MAIPk telah

bersetuju tempoh cuti isteri bersalin dipanjangkan kepada pekhidmat kontrak lantikan MAIPk.

3. Kemudahan yang diberikan dalam pekeliling tersebut adalah hasil perbincangan dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) kali 1/2015 bertarikh 30 Mac 2015. Mesyuarat MBJ telah memutuskan Cuti Isteri Bersalin diberikan tiga (3) hari kepada Pekhidmat Kontrak bagi lima (5) kali tempoh kelahiran anak sepanjang perkhidmatan.

PEMAKAIAN

4. Kemudahan cuti isteri bersalin hendaklah dilaksanakan seperti berikut :

a) kemudahan ini boleh diberi selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod kepada pekhidmat lelaki untuk membantu urusan ketika isteri bersalin;
b) cuti ini hendaklah bermula pada tarikh isteri pekhidmat bersalin atau pada hari berikutnya jika isteri bersalin selepas waktu bekerja;
c) tempoh cuti ini termasuk semua hari rehat dan hari kelepasan am;
d) kemudahan ini dihadkan kepada lima kali sepanjang tempoh perkhidmatan; dan
e) kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

5. Pekhidmat yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan dokumen asal perakuan bersalin isteri kepada Unit Rekod, Bahagian Khidmat Pengurusan, MAIPk. Pekeliling Dalaman MAIPk ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2002.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 April 2015**.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(**DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED**)
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
16 **Jun 2015**

Salinan kepada

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

Semua Pengurus Besar

PT
- Perkhidmatan
- Perjawatan
- Rekod
- Sumber Maklumat (HRMIS)

Fail Timbul

"PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI"